

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan
Sidang 1993/94

Jun 1994

HSM 414 Sejarah Masalah Perburuhan di Malaysia

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM SATU [1] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT [4] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Bincangkan perubahan-perubahan strategi anasir-anasir komunis yang cuba menggerakkan kaum buruh di Malaya dan Singapura dalam tempoh masa 1924 sehingga 1940.
2. Semangat nasionalisme India adalah faktor utama yang mencetuskan pergerakan kaum buruh India di antara 1937 dan 1941. Sejauh manakah anda bersetuju dengan pendapat ini?
3. Pada tahun 1945 sehingga 1948 pergerakan kaum buruh membayangkan unsur-unsur penyatuan di antara kaum buruh India dan China. Bincangkan faktor-faktor sejarah yang menjadikan fenomena ini berlaku.
4. Sejauh manakah usaha John Brazier berjaya memperketatkan perkembangan kesatuan sekerja bersayap kiri semasa 1945-1948?
5. Perlaksanaan Undang-Undang Darurat selepas 1948 telah berjaya mengubah corak pergerakan buruh di Malaya. Bincangkan.
6. Mengapakah Akta Kesatuan Sekerja 1959 dikuatkuasakan oleh pihak Kerajaan?
7. Bincangkan jenis-jenis pertubuhan buruh yang wujud di antara 1920 sehingga 1957.